

TARIKH: 2/6/23  
SURAT KHABAR: Sinar Harian  
MUKA SURAT: 24.

24 | NASIONAL

Sinar Harian  
MS 24 / Nasional / Jumaat 2 Jun 2023

# Majikan kena pastikan pekerja asing ada kerja

Ada yang dibawa masuk ke negara ini hidup merempat kerana tiada pekerjaan

GEORGE TOWN

**K**ementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengarahkan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk memastikan mana-mana pekerja asing yang masuk ke negara ini telah mempunyai pekerjaan.

Menterinya, V Sivakumar berkata, kementerianya sangat prihatin dengan isu pekerja asing yang datang ke Malaysia namun tiada pekerjaan sehingga ada dalam kalangan mereka yang hidup merempat.

"Saya telah arahkan JTK untuk pastikan majikan yang membawa masuk pekerja asing ke negara kita mempunyai kerja dan dalam masa sama memastikan perkara tersebut tidak berlaku lagi pada masa hadapan," katanya kepada pemberita selepas perasmian National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCE) 2023 - Wilayah Utara di sini pada Khamis.

Beliau mengulas isu ratusan pekerja asing yang mendakwa mem-



FOTO: BERNAMA

Kon Yeow (kanan) bersama Sivakumar (kiri) memakai cermin mata Realiti Maya semasa melakukan lawatan ke tapak pameran selepas majlis perasmian Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2023 Wilayah Utara di Pusat Konvensyen SPICE pada Khamis.

bayar levi untuk bekerja di Malaysia namun tiada pekerjaan ditawarkan apabila tiba di negara ini.

Sementara itu, Sivakumar berkata, KSM sedia meneliti cadangan untuk mewujudkan akta khas berkaitan elaun pelajar latihan industri atau praktikal bagi mengelakkan eksploitasi tenaga kerja dan melindungi hak mereka.

"Saya nak jelaskan akta sedia ada (Akta Kerja 1955) mencukupi tapi kita sedia meneliti saranan-saranan pihak tertentu yang mahu kementerian melihat semula akta

tersebut bagi memastikan hak pelajar yang menjalani latihan industri terbela," katanya.

NHCCE 2023 yang dirasmikan Ketua Menteri Pulau Pinang Chow Kon Yeow pada Khamis, berlangsung selama dua hari bermula Rabu dianjurkan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dengan fokus utama menumpukan pada cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pemain industri di wilayah Utara. - Bernama